

Dua pemuda mengaku lakukan khianat terhadap MPV mewah didenda RM3,000

SIBU: Dua pemuda masing-masing dijatuhi hukuman denda RM3,000 atau penjara tiga bulan oleh Mahkamah Majistret semalam atas pertuduhan melakukan khianat dengan memecahkan cermin tingkap serta cermin pandang sisi sebuah kereta pelbagai guna (MPV) mewah.

Majistret Oon Kork Chern menjatuhkan hukuman itu setelah mendengar serta menerima pengakuan bersalah kedua-dua tertuduh yang dikenali sebagai Mohammad Aris, 31, dan Abang Muhd Syairazi, 25.

Kedua-dua mereka terdahulu didakwa melakukan khianat dengan memecahkan cermin tingkap serta cermin pandang sisi sebuah MPV mewah pada 29 Julai 2024,

jam lebih kurang 4.30 petang sehingga menyebabkan kerugian RM2,482.

Sehubungan itu, kedua-dua mereka telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 427 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 34 kanun yang sama, di mana sabit kesalahan hendaklah dipenjarakan tidak kurang setahun dan tidak lebih lima tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali.

Mengikut fakta kes, pada 29 Julai 2024, jam lebih kurang 4.30 petang, pengadu telah menahan sebuah motosikal yang dinaiki dua remaja lelaki yang membuat pusingan 'U' secara bahaya sehingga menyebabkan pengadu memberhentikan kenderaannya secara mengejut.

Akibatnya, anak pengadu yang duduk di tempat duduk hadapan penumpang terhumban ke hadapan.

Pengadu kemudian keluar dari kenderaan dan menolak bahu penunggang motosikal terbabit tanpa mencederakannya.

Melihat perbuatan pengadu yang agresif itu, pembonceng motosikal terbabit kemudian menghubungi ayahnya.

Lebih kurang 10 minit kemudian, enam lelaki termasuk kedua-dua tertuduh tiba di tempat kejadian.

Pengadu yang ketakutan kemudian melarikan diri ke seberang jalan setelah ternampak kenderaan peronda polis yang membuat rondaan.

Kumpulan lelaki terbabit terus mengekori serta

memukul pengadu dengan menggunakan tangan menyebabkan pengadu cedera ringan di muka, kepala, badan dan bibir.

Pihak polis berjaya meleraikan pergaduhan dan pengadu masuk ke dalam kenderaannya.

Namun apabila pihak polis meninggalkan tempat kejadian, kumpulan lelaki terbabit cuba membuka pintu kenderaan pengadu selain menumbuk cermin penumpang belakang kenderaan.

Pengadu juga mendakwa cermin tingkap serta cermin pandang sisi telah dipecahkan, sebelum dia bergegas pergi dari tempat kejadian untuk pergi ke balai polis berdekatan bagi membuat laporan.